



**فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو**

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU  
UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION (UMNO)**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**KENYATAAN MEDIA PEMUDA UMNO MALAYSIA  
BERHUBUNG DOKUMENTARI NETFLIX 'MAN ON THE RUN'**

1. Pemuda UMNO Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya berhubung penyiaran dokumentari berjudul 'Man on the Run' yang kini sedang ditayangkan di saluran Netflix.
2. Setelah menonton dokumentari ini, Pemuda UMNO Malaysia menyifatkan dokumentari ini sebagai sebuah dokumentari yang berat sebelah dan lebih bersifat propaganda berbanding mengupas isu dengan profesional dan beretika.
3. Tanpa mahu menafikan isu kebebasan media mahupun kebebasan bersuara yang dimaktubkan, Pemuda UMNO Malaysia melihat kandungan dan kupasan menerusi wawancara yang dibuat terhadap beberapa pihak dalam dokumentari ini telah menyatakan pelbagai perkara terhadap bekas Perdana Menteri, Dato Sri Najib Razak, yang antara lain bersifat fitnah, subjudis, prejudis dan berat sebelah - sekaligus melanggar nilai kebebasan bersuara yang diberikan.
4. Malah, ada kandungan yang bersifat melampau seperti mengaitkan Dato' Sri Najib terlibat dengan kes pembunuhan Altantuya dan Kelvin Morais.
5. Penyiaran kandungan ini adalah merupakan suatu bentuk 'trial by media' tatkala Dato' Sri Najib Razak masih berhadapan dengan perbicaraan di mahkamah, dan mempunyai niat jahat untuk membentuk persepsi yang negatif ke atas beliau.
6. Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak-pihak di dalam dokumentari ini juga merupakan suatu penghinaan kepada prosiding mahkamah yang sedang berjalan, dan ini merupakan suatu isu yang perlu dipandang secara serius oleh semua pihak.

**BERSATU • BERSETIA • BERKHIDMAT**

*Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada*  
**PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA**  
**Ibu Pejabat Pergerakan Pemuda UMNO**

Tingkat 28, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
Tel 6 03 4044 1199 No Faks 6 03 4044 2199  
<http://www.pemuda.com.my>



46322/A/0001/UK/En

7. Sehubungan itu, Pemuda UMNO Malaysia menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk mengambil tindakan segera dengan mengarahkan Netflix untuk mengeluarkan dokumentari terbabit secepat mungkin.

8. Hakikatnya, setiap individu dilindungi oleh undang-undang dan selagi mana seseorang itu belum dibuktikan bersalah di mahkamah, adalah salah untuk pihak-pihak menjustifikasikan individu tersebut bersalah.

9. Pemuda UMNO Malaysia sentiasa memegang teguh prinsip integriti dan hak demokrasi. Maka atas prinsip inilah, Pemuda UMNO Malaysia menyeru agar semua pihak dapat menghormati dan memelihara setiap kepentingan individu, sepertimana yang telah dimaktubkan di dalam nas perundangan negara.

**DR. MUHAMAD AKMAL SALEH**  
**KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA**  
**12 JANUARI 2024**